

BERITA HARIAN

DATE: 01/09/2007

# PM jamin kemakmuran setiap kaum dipertahan

Malaysia hidupkan pemikiran serta jiwa merdeka di kalangan rakyat

BH- 1/9/2007

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan Malaysia akan terus dibina secara bersama di kalangan rakyat pelbagai kaum berteraskan semangat Rukun Negara dan berpandukan semangat yang terkandung dalam Perlembagaan.

Perdana Menteri juga menegaskan Malaysia akan terus dibangunkan dalam semangat yang tidak membenarkan berlakunya tafsiran sempit dari segi identiti negara serta amalan ekstremisme agama.

"Kita tidak akan mengizinkan berlaku sebarang ketidakadilan di kalangan warga dan tidak mengizinkan tercetusnya sebarang kebimbangan terhadap jaminan masa depan mana-mana warga.

"Bumi dan langit Malaysia menjanjikan tapak kukuh dan langit cerah untuk setiap warga dapat hidup bersatu penuh muafakat," katanya di

hadapan ribuan rakyat yang membanjiri Stadium Merdeka pada acara kemuncak Persembahan Perayaan Raksasa Merdeka ke-50 di Stadium Merdeka di sini, malam tadi.

Dalam ucapan penuh bersemangat di tempat laungan 'Merdeka' bergema 50 tahun lalu, Abdullah berkata, Malaysia akan terus menghidupkan pemikiran serta jiwa merdeka di kalangan warganya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan dijadikan negara moden yang kaya dengan pengetahuan, bersifat inovatif, keusahawanan, berdaya saing dan berupaya menandingi mereka yang terbaik di dunia.

Malaysia juga, katanya, akan terus memastikan ia adalah negara yang aman dan stabil, mengamalkan kesederhanaan serta saling menghormati dalam adunan warga pelbagai budaya.

"Malaysia akan terus berpegang kepada konsep keadilan dan kesak-

samaan, berusaha menghapuskan kemiskinan dan memastikan kemakmuran dapat dinikmati secara bersama. Malaysia akan menjunjung prinsip demokrasi dan menguruskan negara secara bijak untuk kesejahteraan rakyat," katanya.

Beliau berkata, usaha mengisi kemerdekaan tiada mempunyai batas waktu dan menuntut kepada perjuangan yang berterusan.

"Tidak ada noktah untuk melaksanakan usaha meningkatkan kualiti hidup dan memakmurkan negara. Setiap hari, kita dan generasi selepas kita perlu terus bekerja untuk memajukan negara," katanya.

Sehubungan itu, beliau mahu warga muda diperlengkapkan agar berupaya meneruskan perjuangan kerana di bahu mereka terletak harapan supaya rakyat terus bersatu dan negara makmur sejahtera.

Abdullah turut mengajak rakyat

bersyukur kerana mewarisi sebuah negara merdeka dengan rekod pencapaian dan kejayaan membina negara yang berdaulat, aman makmur, bersatu padu dan dihormati, manakala jutaan rakyat berjaya dikeluarkan daripada lembah kemiskinan.

"Kita wajib bersyukur kerana dari sebuah negara yang mempunyai pelbagai sebab untuk bersengketa, dari sebuah negara yang menghadapi ancaman dari dalam dan luar, kita berjaya membina negara yang aman dan stabil, makmur dan sejahtera," katanya.

Beliau berkata, kejayaan itu adalah usaha pelbagai pihak dengan kepeimpinan yang berwawasan jauh bermula dengan daripada Tunku Abdul Rahman Putra, diikuti Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad serta pejuang yang membebaskan warga daripada kongkongan pemikiran kolonialisme.